

TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA AKREDITASI UNIVERSITI

JAWATANKUASA AKREDITASI UNIVERSITI	
Tarikh ditubuhkan	2 September 2013
Punca Kuasa	Senat Universiti
Kebertanggungjawaban kepada	Senat Universiti
Kekerapan Mesyuarat	3 kali setahun
Rujukan Minit Mesyuarat Penubuhan Jawatankuasa	Senat Bil.07/2011/2012 bertarikh 15 Februari 2012
Fungsi dan Bidang kuasa Jawatankuasa	- Memperakukan pelantikan ahli panel penilai (APP) program, sama ada bagi tujuan audit Akreditasi Sementara (PA), Akreditasi Penuh (FA), dan Penilaian Pematuhan (CE), berdasarkan kepakaran dan kelayakan APP yang dicadangkan oleh UTM ACe. - Menilai laporan penilaian program yang dikemukakan oleh APP berdasarkan kriteria akreditasi yang ditetapkan oleh MQA. - Memperakukan status keputusan penilaian akreditasi bagi audit Akreditasi Sementara (PA), Akreditasi Penuh (FA), dan Penilaian Pematuhan (CE) berdasarkan kriteria akreditasi yang ditetapkan oleh MQA. Nota : Status keputusan penilaian akreditasi membawa maksud: Akreditasi Sementara - Diberi status Akreditasi Sementara tanpa syarat - Diberi status Akreditasi Sementara dengan syarat¹ - Diberi status Akreditasi Sementara setelah syarat dipenuhi - Diberi pertimbangan status kelulusan Akreditasi Sementara² Akreditasi Penuh - Diberi status Akreditasi Penuh tanpa syarat - Diberi status Akreditasi Penuh dengan syarat (Interim) - Diberi status Akreditasi Penuh setelah syarat dipenuhi - Diberi pertimbangan status kelulusan Akreditasi Penuh²

JAWATANKUASA AKREDITASI UNIVERSITI

Pengekalan Akreditasi Penuh

- i. Diberi status Pengekalan Akreditasi Penuh tanpa syarat.
- ii. Diberi status Pengekalan Akreditasi Penuh dengan syarat (Interim).
- iii. Diberi pertimbangan status kelulusan Pengekalan Akreditasi Penuh²

Nota :

¹ Disemak semasa Audit Akreditasi Penuh

² Definisi pertimbangan status Akreditasi Sementara / Akreditasi Penuh / Pengekalan Akreditasi Penuh adalah seperti berikut :

- i. Akreditasi Sementara : Fakulti/Sekolah tidak dibenarkan membuat promosi bagi penawaran program dan juga tidak dibenarkan untuk mengemukakan kertas kerja penuh penawaran program baharu ke mesyuarat Senat dan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT).
- ii. Akreditasi Penuh : Fakulti/Sekolah tidak dibenarkan mengambil pelajar baharu selagi tidak memenuhi syarat-syarat pertimbangan akreditasi yang telah ditetapkan oleh JKAU.
- iii. Pengekalan Akreditasi Penuh : Fakulti /Sekolah tidak dibenarkan mengambil pelajar baharu dan juga membuat semakan kurikulum selagi tidak memenuhi syarat-syarat pertimbangan akreditasi yang telah ditetapkan oleh JKAU.

Fakulti/Sekolah perlu :

- i. Memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh JKAU atau;
- ii. Melalui audit semula serta mengemukakan bukti tindakan susulan yang telah diambil dalam tempoh yang telah diberikan oleh JKAU.
- iii. Kegagalan Fakulti/Sekolah mengambil tindakan yang bersesuaian akan menyebabkan pengeluaran notis pembatalan status Akreditasi Sementara / Akreditasi Penuh / Pengekalan Akreditasi Penuh.

4. Memperakukan pembatalan status akreditasi terhadap program akademik yang gagal memenuhi kriteria akreditasi untuk dikemukakan kepada Senat Universiti bagi tujuan pengesahan.
5. Menganalisis dapatan laporan APP bagi mengenalpasti isu-isu dan amalan baik serta memberi cadangan penyelesaian atau penambahbaikan untuk meningkatkan kualiti akademik di UTM.
6. Mencadangkan dan menyemak secara berterusan dan berkala terhadap dasar serta garis panduan akreditasi universiti, seterusnya mengemukakan cadangan penambahbaikan kepada Mesyuarat Senat bagi memastikan keselarasan dengan standard, kriteria akreditasi, serta pekeliling semasa yang ditetapkan oleh pihak MQA.

JAWATANKUASA AKREDITASI UNIVERSITI

Keahlian Jawatankuasa	1. Pengerusi Jawatankuasa dicadangkan oleh UTM ACe dan diperakukan oleh Senat. 2. Timbalan Pengerusi adalah merupakan staf Akademik berjawatan Profesor yang diperakukan oleh Senat melalui cadangan UTM ACe dan bukan dalam kalangan pentadbir akademik ; 3. Dua (2) orang Pakar Luar universiti yang dicadangkan UTM ACe dan diperakukan oleh Senat. 4. Dua (2) orang staf akademik UTM berjawatan Profesor atau Profesor Madya yang dicadangkan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan diperakukan oleh Senat ; 5. Staf akademik UTM berjawatan Profesor atau Profesor Madya yang diperakukan oleh Senat melalui cadangan UTM ACe dan bukan dalam kalangan pentadbir akademik. 6. Keanggotaan jawatankuasa hendaklah mewakili kluster utama, iaitu Sains dan Teknologi, Kejuruteraan, dan Sains Sosial bagi memastikan pelbagai bidang kepakaran akademik dilibatkan secara seimbang. 7. Sekurang-kurangnya seorang wakil dengan kepakaran dalam Pendidikan Jarak Jauh dan Terbuka (ODL) dilantik, sejajar dengan usaha UTM untuk mengembangkan dan memperkukuh penawaran program ODL serta pembelajaran fleksibel.
Urus setia	Pusat Akreditasi UTM (UTM ACe)
Tarikh Dikemaskini	30 Mac 2026 (Senat Bil.06/2025/2026)